

## FESYEN PAKAIAN MASYARAKAT MELAYU JOHOR 1957 – 1970-AN

### Johor Malay Community Dress Fashion 1957 - 1970's

Junirah Djafar  
Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Putra 2  
Jalan Putra 3, Bandara Putra, Kulai, Johor

**Correspondence:** [g-04523225@moe-dl.edu.my](mailto:g-04523225@moe-dl.edu.my)

**Published:** 27 June 2023

**To cite this article (APA):** Djafar, J. (2023). Johor Malay Community Dress Fashion 1957 - 1970's: Fesyen Pakaian Masyarakat Melayu Johor 1957 – 1970-An. *Munsyi Jurnal Pengajian Sejarah*, 1(1), 30–46. <https://doi.org/10.37134/munsyi.vol1.1.3.2023>

#### Abstract

Makalah ini menganalisis fesyen pakaian yang popular di dalam masyarakat Melayu Johor pada 1957 sehingga 1970. Tumpuan utama adalah faktor yang membawa kepada perubahan cara berpakaian dan fesyen pakaian yang menjadi pilihan dalam masyarakat Melayu di Johor. Ia meliputi fesyen pakaian yang digunakan golongan muda, para guru dan pelajar di sekolah serta golongan berpengaruh di Johor. Kajian ini menggunakan metodologi sejarah dengan pendekatan kualitatif yang mengandungi empat peringkat penyelidikan iaitu heuristik, kritik, pentafsiran dan penulisan sejarah. Kajian mendapati bahawa pakaian masyarakat Melayu Johor dalam tempoh kajian ini melalui zaman perubahan dan lebih cenderung untuk memilih pakaian ala Barat yang dianggap moden. Perubahan ini didorong oleh peranan media dan industri hiburan. Kajian juga mendapati pakaian tradisional tidak diabaikan sepenuhnya kerana masih terdapat kritikan kepada penggunaan pakaian moden dan usaha yang dilakukan UMNO bagi memastikan pakaian tradisional tidak dilupakan. Ringkasnya, perubahan fesyen pakaian berlaku melalui pengaruh media dan masyarakat memilih pakaian yang mempunyai ciri yang dianggap lebih baik dan sesuai untuk mereka. Perbincangan berhubung perubahan cara fesyen pakaian ini memperlihatkan bahawa cara pemikiran dalam masyarakat telah berubah dan mereka lebih cenderung kepada pemodenan berbanding mengekalkan nilai tradisi mereka.

**Kata kunci:** *Fesyen, Johor, Media, Melayu, Pakaian, UMNO*

#### Abstract

*This paper analyses popular fashion attire trends in the Malay community of Johore in 1957–1970. The focus revolved around factors that led to the changes that occurred in the choice of fashion among Malays in Johore during the period under study. Therefore, fashion choices among younger generations, teachers, and students, as well as important figures in society, were illustrated in this paper. This study employs historical methodology and a qualitative approach, involving heuristics, critique, interpretation, and historical writing. This study finds that Malay attire during this period of study was changing from traditional to modern styles. The main reason for this change came from the influence of mass media and the entertainment*

*industry. This study also suggests that despite attention to modern attire and fashion, some Malays prefer traditional clothing. Commitment to preserve traditional clothing was seen through critics raised against modern attire and efforts to maintain its use within Malays society by UMNO. In summary, changes occurred due to the influence brought in by the media, and people tend to opt for something that they thought would be beneficial and better. In the course of the discussion on the history of the fashion adopted by the Malays in Johore during the period of this study, information suggests that the shift of tendency and thoughts among Malay had occurred as they preferred to choose modernity over tradition.*

**Keywords:** fashion, Johore, Media, Malay, Attires, UMNO

## **PENGENALAN**

Johor dianggap sebagai salah sebuah negeri yang mempunyai pegangan agama Islam yang bersifat tradisional. Sejauhmanakah pernyataan tersebut boleh diterima berdasarkan kepada perkembangan yang terjadi dalam sejarah berkaitan pakaian dalam kalangan masyarakat Melayu di Johor pada 1957-1970-an. Fesyen pakaian masyarakat Melayu Johor mempunyai perkembangan yang unik berbanding negeri lain di Malaysia. Ia merujuk kepada tindak balas yang diberikan oleh UMNO dan pegawai agama dalam membendung penularan pakaian moden yang dianggap mengugat nilai Islam dan identiti Melayu. Masyarakat Melayu di Johor dalam tempoh kajian ini secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu, kumpulan yang cenderung kepada pakaian moden dan kumpulan yang berusaha mempertahankan pakaian tradisional. Pemilihan pakaian lazimnya menjadi simbol kepada kecenderungan, nilai dan kepercayaan yang dipegang oleh seseorang. Sehubungan itu, makalah ini akan membincangkan tentang faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan dalam fesyen yang menjadi pilihan dalam kalangan masyarakat Melayu Johor.

### **Pakaian dan Fesyen**

Pakaian berfungsi untuk menutup aurat serta melindungi seseorang daripada cuaca panas dan dingin.<sup>1</sup> Selain daripada itu, pakaian juga dianggap perhiasan dan serta memberikan keyakinan diri kepada seseorang terutamanya apabila memakai pakaian yang direka dengan pelbagai bentuk yang dianggap menarik oleh pemakainya. Jelasnya, pakaian memberikan kesan kepada perasaan seseorang dan kajian berhubung evolusi dan tipologi pakaian wanita Melayu menyatakan ia juga meninggalkan kesan yang negatif seperti perasaan tidak selesa, mengurangkan keyakinan diri dan mengundang perasaan tidak senang.<sup>2</sup>

Pakaian seringkali dikaitkan dengan fesyen atau gaya berpakaian. Fesyen yang popular dan disukai ramai sering berubah mengikut peredaran zaman.<sup>3</sup> Ia lazimnya dikaitkan dengan perkembangan semasa, nilai dan idea sezaman yang muncul dalam masyarakat ketika itu. Kajian oleh M. Dewi sebagai contohnya memperlihatkan terdapat pengantin yang mengubah pakaian tradisi perkahwinan Jawa demi menyesuaikan dengan ciri dan nilai agama Islam.<sup>4</sup> Dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa pakaian diubah bagi memenuhi kehendak dan norma yang dipercayai oleh pemakainya.

Selain pakaian, fesyen turut merangkumi aksesori busana, barang kemas, gaya rambut dan kecantikan. Semua elemen berkenaan dianggap penting bagi menonjolkan diri seseorang. Sehubungan itu, fesyen mempengaruhi gaya hidup seseorang terutamanya semasa melaksanakan aktiviti harian. Lazimnya pemilihan fesyen turut menggambarkan taraf dan

kedudukan dan cara kehidupan seseorang, terutamanya kepercayaan dan budaya yang mereka percayai. Sehubungan itu, Noorazma Nawawi mencadangkan bahawa penggunaan pakaian dan perhiasan adalah satu bentuk komunikasi bukan lisan yang memperlihatkan perlambangan mengenai sesuatu pekerjaan, pangkat, jantina, tempatan, kelas sosial, kekayaan dan kumpulan organisasi.<sup>5</sup>

Bagi Muslim, pakaian dan cara berpakaian ditetapkan berasaskan kepada keperluan bagi menjaga aurat. Siti Zanariah Husin & Muhamad Adib Samsudin dalam kajian berhubung konsep pakaian menurut syarak dan kaitannya dengan *tabarruj* menggariskan beberapa konsep pakaian yang dianggap penting di dalam Islam.<sup>6</sup> Antaranya adalah reka bentuk pakaian yang menepati keperluan untuk melindungi aurat, jenis pakaian yang tidak menyerupai pakaian jantina yang berlawanan dengan pemakai dan aksesori yang sesuai. Jelasnya, pakaian yang digalakkan di dalam Islam adalah pakaian yang bersifat sederhana dan terdapat larangan kepada cara berhias yang berpotensi untuk menonjolkan diri pemakai secara yang dianggap bertentangan dengan norma Islam.

Pakaian tradisi pada mulanya bercirikan kepada pakaian yang “menutup” badan pemakai. Siti Zainon Ismail menggambarkan bahawa, pada abad ke-15, pakaian cara Melayu sama ada lelaki atau perempuan merujuk kepada baju yang dipakai secara sarung. Sementara itu, baju khusus bagi perempuan disebut sebagai baju kurung iaitu baju yang menyembunyikan potongan badan dan kainnya juga dipakai secara sarung.<sup>7</sup> Selain baju kurung, baju tradisonal wanita Melayu juga merujuk kepada baju kurung Teluk Belanga, baju kebaya labuh dan juga baju kebaya labuh nyonya. Baju Melayu Teluk Belanga merujuk kepada pakaian tradisonal dalam masyarakat Melayu Johor pada abad ke-18. Baju Melayu Teluk Belanga merujuk kepada pakaian lengkap lelaki atau perempuan yang yang digunakan dengan meluas pada abad berkenaan.<sup>8</sup> Maklumat berhubung pakaian tradisi pada abad ke-15 dan ke-18 memperlihatkan bahawa evolusi pakaian berlaku di dalam masyarakat Melayu.

Seterusnya, dalam sejarah moden, khususnya pada abad ke-20 isu berkaitan pakaian diperdebatkan dalam masyarakat. Nazirah Lee dalam perbincangan berhubung perubahan fesyen pakaian pada tahun 1930-an memperlihatkan bahawa fesyen Barat menimbulkan konflik berhubung aurat dan dalam masa yang sama menyebabkan pemakainya kadangkala dipandang atau lebih dihormati berbanding individu yang menggunakan pakaian tradisonal.<sup>9</sup> Perbincangan berkenaan menunjukkan bahawa konflik berhubung pakaian melanda masyarakat di awal abad ke-20.

Makalah ini bertujuan untuk membincangkan perkembangan yang terjadi selepas kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Secara umumnya, penggunaan pakaian tradisonal semakin berkurangan ekoran daripada kecenderungan masyarakat kepada pakaian yang moden. Perubahan ini ketara pada penghujung 1950-an sehingga ia dilabelkan oleh pengkaji sebagai tempoh berlakunya revolusi pakaian wanita. Kajian terdahulu mengaitkan perkembangan ini dengan pengaruh sejenis tarian yang diiringi oleh muzik pop rancak yang dikenali sebagai *a-go-go*. Zaman *a-go-go* mencapai kemuncak pada awal tahun 1960-an hingga 1970-an. Tempoh ini penting dalam sejarah perkembangan fesyen pakaian di Malaysia. Dalam tempoh ini pakaian tradisonal terpinggir sehingga terdapat kritikan mula muncul di akhbar tempatan. Contohnya kekesalan berhubung terhakisnya amalan pemakaian kain tudung atau selendang di dalam masyarakat. Dalam tempoh ini hanya segelintir sahaja memilih untuk mengenakan selendang atau tudung dan ia terhad ketika menghadiri majlis berkaitan kematian dan perkahwinan sahaja.<sup>10</sup> Pakaian yang digemari oleh golongan wanita muda ketika itu adalah skirt pendek yang dianggap keterlaluan dan bertentangan dengan nilai tradisi Melayu.<sup>11</sup>

Dalam tempoh kajian ini, golongan lelaki juga turut sama berlumba-lumba mengikuti perkembangan dunia fesyen dari semasa ke semasa.<sup>12</sup> Pakaian moden untuk golongan lelaki direka mengikuti ciri-ciri pakaian Barat yang memaparkan bahagian betis dan lutut.<sup>13</sup> Pada tahun 1957 golongan lelaki menggunakan pakaian tradisional seperti baju Melayu, tengkolok, kain sarung dan bersongkok.<sup>14</sup> Kemudian, pada awal tahun 1960-an perubahan pakaian moden mendapat perhatian kerana fesyen pakaian tersebut dianggap lebih menarik dan ringkas. Gambar 1 menunjukkan bentuk fesyen pakaian moden yang dianggap sesuai untuk golongan lelaki muda. Pengaruh budaya Barat kelihatan dengan adanya penggunaan baju kot dan kemeja.

Gambar 1 : Fesyen Pakaian Moden bagi Orang Muda



Sumber : *Majalah Fashion*, 18 September, 1960, hlm. 9.

### **Faktor Kemunculan Fesyen Baharu**

Kajian terdahulu memperlihatkan revolusi pakaian berlaku dalam tempoh kajian ini. Sehubungan itu, faktor yang membawa kepada perubahan akan diperincikan di dalam subtopik ini. Pendorong utama kepada perubahan ini mula muncul pada awal abad ke-20 ekoran daripada perkembangan yang terjadi dalam dunia Muslim di peringkat antarabangsa. Era pemerintahan Kamal Attaturk sebagai presiden pertama Republik Turki sebagai contohnya adalah zaman pemodenan dan pensekularan di Turki.<sup>15</sup> Kamal Attaturk yakin bahawa Barat perlu diangkat sebagai model ideal kepada pembangunan di Turki. Beliau seterusnya mewujudkan undang-undang baharu berkaitan isu pemakaian masyarakat Muslim, misalnya, Undang-Undang Pemakaian Topi (25 November 1925) dan Undang-Undang Larangan Pemakaian Mengikut Cara Islam (3 Disember 1934).<sup>16</sup> Perubahan di Turki memberi kesan di Tanah Melayu kerana Daulah Uthmaniyyah dianggap pemegang tampuk pemerintahan tertinggi dalam dunia masyarakat Muslim. Lantaran itu, masyarakat Melayu mempunyai kecenderungan untuk mengikuti pembaharuan yang dilaksanakan oleh Kamal Attaturk di bawah rancangan pemodenannya.<sup>17</sup> Sebahagian masyarakat Melayu berpendapat peristiwa yang terjadi di Turki itu perlu diteladani dalam usaha membangunkan masyarakat ini ke arah kemajuan dalam segenap aspek.

Selepas merdeka, peranan media massa sebagai medium utama yang menyampaikan maklumat ke dalam masyarakat turut membawa kesan ke dalam cara berpakaian dalam masyarakat Melayu. Nik Safiah Karim sebagai contohnya menyatakan bahawa majalah, akhbar, filem dan pertunjukan fesyen mempengaruhi masyarakat dalam mencontohi tingkah laku yang dipaparkan.<sup>18</sup> Akhbar juga memainkan peranan yang sama. *Berita Harian* contohnya, menerbitkan iklan berkaitan. Antaranya, iklan pabrik yang dikeluarkan dengan berbagai-bagai jenis warna, potongan dan corak yang indah. Ia mempromosikan kain yang sesuai bagi penghasilan pakaian yang biasa digunakan dalam masyarakat.<sup>19</sup>

Dalam tahun 1960-an, media memaparkan pelbagai rekaan busana yang mempunyai pengaruh fesyen Barat dengan meluas.<sup>20</sup> Penyebaran media dalam tempoh ini tidak hanya terbatas kepada penduduk bandar sahaja malahan tersebar luas sehingga ke kawasan pedalaman. Tambahan pula, kadar literasi dalam kalangan warga Malaysia telah meningkat berbanding sebelumnya. Ekoran itu, masyarakat terdedah dengan fesyen pakaian baharu dan ia memberi mereka pilihan sama ada kekal dengan pakaian tradisional atau bertukar kepada pakaian yang dianggap baharu dan moden.

Dalam tempoh ini terdapat beberapa buah majalah wanita yang sering membicarakan berkaitan fesyen dunia wanita dan lelaki di Malaysia. Antara majalah yang dominan *Fashion*. Selari dengan tajuknya, majalah ini menumpukan kepada isu berkaitan fesyen dan pakaian dengan tujuan untuk mendidik masyarakat berhubung cara dan etika berpakaian yang betul. Ia juga memberikan maklumat berhubung fesyen yang dianggap sesuai digayakan di dalam masyarakat pada ketika itu. Sebagai contohnya, *Fashion* menerbitkan artikel yang bertajuk *Tata Tertib dan Budi Bahasa* yang menerangkan berhubung pakaian dan dandanan yang sesuai dikenakan oleh wanita semasa hendak ke temasya muda-mudi atau jenis majlis yang hendak dihadiri.<sup>21</sup> Selanjutnya, artikel dalam majalah ini juga memberi panduan untuk wanita memilih fesyen yang sesuai dengan fizikal mereka.

Sementara itu, *Majalah Fashion* turut memaparkan jenis fesyen moden khusus kepada golongan lelaki di Malaysia. Terdapat satu ruangan khusus yang mendidik tentang cara untuk bergaya menggunakan jenis fesyen pakaian yang sesuai. Antara fesyen yang dianggap moden kepada golongan lelaki adalah kot, jaket, *suit* dan baju pantai. Jenis pakaian berkenaan dijadikan sebagai penghias halaman majalah. Ia membuktikan bahawa media cetak mempromosikan pakaian yang dianggap menarik dan ia menyebarkan maklumat tentang fesyen di Malaysia.

Perbincangan yang diutarakan adalah tentang etika pakaian berasaskan kepada perspektif barat atau moden dan tidak memberikan perhatian kepada persepsi Islam atau tradisional. Tumpuan utama dalam fesyen lelaki dan wanita adalah keselarian etika yang berasaskan kepada nilai dan norma Barat.

Selain daripada pengaruh media cetak, industri hiburan juga berperanan dalam membentuk *trend* dan cara berpakaian yang dianggap terkini dan menarik dalam kalangan masyarakat. Ini kerana artis dan pelakon yang popular memberi pengaruh dalam menonjolkan pakaian yang dianggap menarik dan cantik melalui penampilan mereka di dalam filem yang mereka lakonkan. Dalam tempoh kajian ini kebanyakan filem yang diterbitkan memaparkan pakaian yang dipengaruhi oleh unsur Barat dan budaya lain selain daripada Melayu. Ini kerana filem dalam tempoh kajian ini kebanyakannya mengetengahkan unsur kepelbagaian etnik dan interbudaya yang terdapat dalam masyarakat pada ketika itu.<sup>22</sup> Sehubungan itu, masyarakat

Melayu terdedah kepada pelbagai jenis pakaian yang digunakan dalam masyarakat pada ketika itu.

Antara fesyen pakaian yang digunakan oleh pelakon wanita pada tahun 1960-an adalah pakaian yang ketat, singkat dan seksi.<sup>23</sup> Walaupun penggunaan pakaian sedemikian dominan dalam dunia filem di Malaysia, namun pakaian sebegini tidak disenangi oleh segelintir anggota masyarakat kerana fesyen yang “kelihatan singkat dan ketat... [manakala] baju kebaya moden menampakkan betis.”<sup>24</sup>

Selain itu, pakaian yang dianggap sopan dan selari dengan ciri pakaian tradisional tidak lenyap sepenuhnya daripada filem mahupun pementasan yang diadakan di dalam masyarakat Melayu. Pakaian sedemikian masih digunakan jika bersesuaian dengan penceritaan yang ingin ditonjolkan. Sebagai contohnya, Fatimah Yasin di dalam pementasan cerita Hang Jebat sebagaimana yang ditunjukkan di dalam gambar di bawah. Fatimah semasa melakonkan wataknya menggunakan baju kebaya panjang Johor yang mempunyai elemen sopan dan longgar yang dititikberatkan dalam pakaian tradisional.

Gambar 2 : Fatimah Yasin dalam lakonan “Hang Jebat”



Sumber : *Fashion*, 3 Jan – 3 April, 1960, hlm. 17.

Seterusnya, faktor yang membawa kepada perubahan cara berpakaian dalam masyarakat adalah gabungan di antara pengaruh media cetak dan aktiviti sosial yang dianjurkan dalam masyarakat pada ketika itu. Antara acara berskala besar yang dianjurkan untuk mempromosikan pakaian jenis baharu dalam masyarakat adalah pertunjukan fesyen. Ia dianjurkan sebagai satu usaha untuk memperkenalkan fesyen dan koleksi terbaharu kepada masyarakat awam. Pada tahun 1960-an, pelbagai rekaan fesyen pakaian moden dipersembahkan dalam pertunjukan fesyen dan berita mengenainya dilaporkan kepada pembaca melalui media cetak. Contohnya, pada pertunjukan fesyen di Hotel Johor pada tahun 1960 dilaporkan di dalam *The Singapore Free Press* dan pembaca disajikan dengan gambar pakaian yang diperagakan di dalam pertunjukan fesyen berkenaan (Lihat Gambar 3).

Gambar 3 : Peragawati memakai rekaan terbaru fesyen pakaian moden di Hotel Johor.



Sumber : *The Singapore Free Press*, 15 September 1960.

Gambar di atas memaparkan dua orang peragawati yang menyertai pertunjukan fesyen yang direka oleh Puan Jo Bloxham dan Puan Joan Clements.<sup>25</sup> Model pertama mengenakan pakaian moden iaitu skirt kembang dan baju *sequin*. Manakala model kedua di sebelah kiri memakai baju dan seluar berbunga-bunga serta selendang sebagai hiasan di pinggang. Jelasnya, walaupun pertunjukan fesyen lazimnya dianjurkan di kawasan bandar dan tidak melibatkan jumlah penonton yang ramai, namun ia berkesan dan membawa pengaruh ke dalam masyarakat kerana berita mengenainya disiarkan di media cetak yang popular dalam kalangan masyarakat.

Perbincangan di atas memperlihatkan bahawa perubahan berlaku dalam fesyen pakaian yang digunakan oleh masyarakat di Malaysia sepanjang 1957-1970-an. Perubahan ini disumbangkan oleh peranan media massa dan industri hiburan. Ciri utama yang mendominasi pakaian yang popular dalam tempoh ini adalah pakaian yang berunsurkan ciri Barat. Alasan utama kepada wujudnya situasi ini mudah ditelaah. Kajian terdahulu berhubung fesyen oleh Nazirah Lee sebagai contohnya memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu sebelum merdeka beranggapan bahawa penggunaan pakaian yang moden adalah batu loncatan untuk mencapai kemajuan.

### **Fesyen Pakaian di Johor 1957-1970-an**

#### *Wanita Muda*

Semasa pertengahan 1960-an, fesyen pakaian ala Barat menjadi minat utama wanita muda.<sup>26</sup> Pemilihan pakaian sebegini mendapat respon dari kalangan para pemimpin. Ia jelas di dalam perbincangan yang berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang berpakaian yang melarang wanita di Johor mendedahkan badan mereka. Laporan di akhbar berhubung tindak tanduk wanita di Johor dilihat agak dramatik sepertimana di dalam petikan berikut;

“...Jika sekarang kaum wanita sudah berani menunjukkan (*sic*) betis mereka dan mendedahkan buah dada mereka [demi] mengikut aliran feshen (*sic*) pakaian Eropah mungkin tidak lama lagi mereka akan memakai baju tidak bercholi (*sic*).”<sup>27</sup>



Aishah Ghani<sup>28</sup> sebagai salah seorang yang mempunyai pengaruh di dalam wanita UMNO melahirkan rasa bimbang beliau kepada cara berpakaian yang menjadi pilihan dalam kalangan wanita muda di Johor. Sehubungan itu, beliau menegaskan bahawa tindakan tegas perlu diambil bagi memastikan penggunaan pakaian sedemikian dapat dibendung kerana bimbang ia menggugat nilai Islam dan identiti Melayu.

Kritikan juga ditujukan kepada wanita muda yang menggunakan pakaian yang singkat dan ketat semasa majlis sambutan hari raya. *Berita Harian* menerbitkan satu contoh dialog tentang sikap anak muda mula mengikut pakaian yang singkat dan ketat sewaktu mengunjungi rumah rakan-rakan semasa sambutan Hari Raya. Intisarinya berkisar tentang dalam kesanggupan wanita muda meninggalkan pakaian tradisi demi untuk kelihatan moden.<sup>29</sup>

### Lelaki Muda

Pakaian baju moden juga menjadi pilihan lelaki Melayu Johor. Gambar 4 memperlihatkan bahawa pilihan pakaian lelaki adalah cara Barat di Johor sepenuhnya. Ia dianggap sebagai satu norma biasa di dalam masyarakat. Pakaian tradisi Johor seperti Baju Teluk Belanga serta baju tradisional lainnya seperti songkok, kain sarung dan baju Melayu tidak digunakan dengan meluas. Perdebatan dan perbincangan berhubung fesyen pakaian lelaki tidak begitu hangat seperti yang terjadi kepada wanita kerana fesyen lelaki lazimnya tidak begitu bertentangan dengan prinsip aurat di dalam Islam.

Gambar 4 : Pemuda-pemuda penggemar fesyen dari Senggarang, Batu Pahat, Johor.



Sumber : *Majalah Fashion*, 18 September, 1960, hlm. 13.

Pemuda dan kanak-kanak dari Johor dalam Gambar 4 mempunyai minat yang mendalam terhadap perkembangan fesyen. Gambar berkenaan dirakamkan semasa mereka melawat ke pejabat *Majalah Fashion* dengan diketuai oleh Mahmud Hasmuni Bin Haji Ilyas. Semua ahli rombongan mengenakan baju moden seperti memakai kemeja, berkasut serta berseluar pendek dan panjang. Hal ini membuktikan bahawa penggemar kepada fesyen pakaian secara tidak langsung juga telah mengabaikan pemakaian bercirikan Melayu tradisional seperti songkok, kain sarung dan baju Melayu ketika ke sesuatu tempat. Dengan begitu, gambaran ini jelas menunjukkan bahawa pakaian yang bercirikan Barat sudah pun menjadi pilihan utama dalam masyarakat di Johor pada awal tahun 1960-an.



### Guru Wanita

Guru dianggap sebagai teladan kepada para pelajarnya dalam semua aspek kehidupan. Dalam tempoh kajian ini, pakaian lazim bagi para guru wanita di semenanjung adalah memakai baju kebaya moden dan kain bolero.<sup>30</sup> Di Johor, terdapat tindakan yang dilakukan untuk mengelakkan para guru daripada menggunakan pakaian sedemikian di sekolah. Pergerakan Pemuda UMNO Cawangan Johor Bahru sebagai contohnya memberikan cadangan supaya pemakaian tudung diwajibkan kepada guru agama di sekolah. Mereka juga diminta untuk memastikan tudung yang dikenakan labuh sehingga ke paras dada. Cadangan ini dikemukakan pada bulan November 1960 dan disokong oleh Tuan Haji Othman sebagai Pengerusi Pelajaran Johor. Pada bulan berikutnya saranan untuk guru wanita di sekolah agama dilaksanakan. Ia ditetapkan melalui pekeliling Jabatan Agama Johor pula menyatakan selepas perubahan itu dilaksanakan pakaian tudung guru agama wanita dilihat sangat sesuai dan tidak perlu diubah lagi.<sup>31</sup> Bagaimana pun arahan ini hanya terpakai kepada guru semasa mereka di sekolah dan tiada sebarang larangan untuk mereka berpakaian mengikut pilihan mereka di luar waktu sekolah.<sup>32</sup>

Sementara itu, bagi guru wanita yang berkhidmat di sekolah kebangsaan, tumpuan kepada etika berpakaian kepada mereka mula tercetus pada 1962. Pada tahun berkenaan, timbul perbahasan yang membincangkan tentang keperluan untuk mewajibkan guru wanita di Johor untuk memakai baju kurung tradisional berwarna putih ke sekolah. Selain itu, terdapat juga cadangan untuk menetapkan bahawa para guru dilarang daripada memakai kasut tumit tinggi. Manakala bagi kain pula, guru diberi kebebasan untuk memilih warna yang mereka sukai dengan syarat kain berkenaan tidak mempunyai sebarang corak atau berbunga.<sup>33</sup> Ketetapan sedemikian tidak diterima oleh para guru dan mereka melahirkan rasa tidak puas hati kerana mereka perlu menggunakan pakaian yang dianggap menafikan kebebasan mereka.

### Guru Lelaki

Perubahan fesyen pakaian golongan lelaki juga dikesan dalam cara pemakaian guru lelaki yang berkhidmat di serata sekolah di negeri Johor. Pada penghujung tahun 1960, pakaian guru lelaki di sekolah agama Johor mendapat banyak kritikan kerana penggunaan pakaian moden. Pergerakan Pemuda UMNO Cawangan Bandar Johor dan Pengerusi Bahagian Agama Pergerakan Pemuda UMNO Cawangan Johor Bahru (Encik Mohammad Nor Bin Awang) mengemukakan cadangan supaya pakaian guru agama lelaki ditetapkan supaya serupa dengan pakaian bilal yang berkhidmat di masjid di Johor.<sup>34</sup> Pakaian yang dicadangkan adalah jubah dan ia tidak dipersetujui oleh para guru kerana ia dianggap tidak sesuai dengan tugas guru dan mengganggu kesihatan mereka. Para guru berhujah bahawa penggunaan jubah akan mengganggu proses pengajaran kerana jubah akan menyebabkan guru merasa panas. Tambahan pula ramai dalam kalangan guru yang menempuh perjalanan yang jauh untuk ke sekolah setiap hari.<sup>35</sup> Walaupun menghadapi kritikan, pemuda UMNO mengambil keputusan untuk mendesak Yang Di-Pertua Jabatan Agama Johor bagi melaksanakan cadangan mereka. Bantahan para guru terhadap cadangan pemakaian jubah menyebabkan arahan baharu dikeluarkan.<sup>36</sup> Pihak Pelajaran Negeri Johor pada bulan Disember 1960 mengeluarkan arahan supaya jubah digantikan dengan baju kebangsaan. Namun, penggunaan baju kebangsaan juga tidak dipersetujui oleh guru agama lelaki. Mereka menyatakan bahawa baju kebangsaan tidak sesuai digunakan sepanjang masa. Bahkan, mereka mencadangkan supaya penggunaan berbaju kemeja putih berlengan panjang, kot, seluar putih panjang dan berkasut.<sup>37</sup> Ini memperlihatkan bahawa penggunaan pakaian moden adalah meluas dalam kalangan lelaki di negeri Johor. Namun begitu, guru lelaki (terutamanya yang sudah mengerjakan haji) di sekolah agama

mementingkan pemakaian songkok dan serban. Songkok juga dipakai secara meluas di tempat awam dan menjadi kelaziman di pejabat kerajaan dan sekolah pada tahun 1950-1970-an.<sup>38</sup> Justeru, para guru di Johor dipandang tinggi kerana komitmen mereka mengenakan songkok yang dianggap sebagai salah satu daripada ciri penting yang menggambarkan identiti Melayu.<sup>39</sup>

### Murid Perempuan

Sepanjang tempoh kajian ini murid perempuan sekolah agama Johor diwajibkan memakai baju kurung dan mengenakan tudung di kepala. Pelajar di sekolah agama Johor dalam tempoh kajian ini menggunakan pakaian yang menutup aurat. Gambar 5 memperlihatkan pakaian yang dikenakan oleh pelajar perempuan dan juga lelaki di Johor.

Gambar 5 : Murid darjah empat dan lima Sekolah Agama Tanjong Langsat Masai, Johor bersama guru mereka.



Sumber : *Majalah Fashion*, 3 Jan – 3 April, 1960.

Manakala di sekolah Inggeris, murid perempuan tidak terikat dengan penggunaan uniform yang bercirikan tradisional seperti di sekolah agama. Kebanyakan murid perempuan Melayu di sekolah Inggeris menggunakan gaun yang mengikut cara Barat.<sup>40</sup> Ini kerana sekolah Inggeris berasaskan kepada cara mendidik yang mengikut budaya Barat.<sup>41</sup> Oleh hal demikian, pihak Jabatan Pelajaran Johor berusaha untuk menyeragamkan pakaian murid di seluruh negeri Johor pada tahun 1960-an. Ia dilakukan dengan melaksanakan penggunaan baju kurung sebagai baju kebangsaan. Namun begitu, penyeragaman ini tidak dilakukan dengan tegas. Tuan Haji Othman (pengerusi Jabatan Pelajaran Johor) dalam ucapannya berkaitan usaha penyeragaman baju kebangsaan menyatakan bahawa, sekiranya ada dalam kalangan ibu bapa yang tidak menyetujui dengan perubahan tersebut, maka anak mereka diberikan kebebasan untuk memilih pakaian seragam sekolah yang mereka sukai.<sup>42</sup> Ini kerana usaha penyeragaman ini dilakukan hanyalah untuk mendidik murid di sekolah Inggeris menutup aurat dan mengekalkan identiti Melayu menggunakan pakaian baju kebangsaan.

### Murid-Murid Lelaki

Pihak Pelajaran Negeri Johor beranggapan pakaian yang ditetapkan bagi kegunaan murid lelaki sekolah agama tidak mempunyai sebarang masalah. Encik Darmawan Bin Janggol (Penolong Setiausaha UMNO Cawangan Batu Pahat) apabila mengulas tentang pakaian murid lelaki menyatakan bahawa pelajar lelaki diarahkan supaya memakai baju putih dan berkain hitam.<sup>43</sup>

Ini menunjukkan pelajar lelaki di sekolah agama memakai pakaian tradisional. Jelasnya, pihak berkuasa agama negeri Johor menggunakan pendekatan yang sama kepada murid lelaki dan perempuan. Pengekalan kepada ciri tradisional dan identiti Melayu diutamakan dalam kalangan pelajar.<sup>44</sup>

Manakala, bagi pelajar yang mengikuti pendidikan di sekolah kebangsaan, pakaian yang digunakan adalah pakaian moden. Pelajar lazimnya mengenakan kemeja putih berlengan pendek dan seluar pendek di atas paras lutut. Pakaian sukan pelajar juga menggunakan seluar pendek dan baju T-shirt.

Gambar 6 : Pasukan Kumpulan Renggam dan Pasukan Sekolah-Sekolah Rendah Kawasan Timor (Pekan Nenas)



Sumber : Berita Harian, 12 Mac 1969.

### Golongan Berpengaruh

Golongan berpengaruh juga menggayakan pakaian moden cara Barat kerana pakaian moden ini dianggap sebagai simbol kemajuan yang akan membawa perkembangan sosial dan diterima dengan meluas dalam kalangan masyarakat.<sup>45</sup> Semenjak penjajahan British, pengaruh dan budaya Barat juga turut meresap dalam cara hidup di istana.<sup>46</sup> Penggunaan pakaian yang bercirikan Barat jelas ditunjukkan dalam kalangan sultan Melayu walaupun setelah mencapai kemerdekaan. Di Johor, salah satu daripada contohnya adalah sepertimana yang terdapat di dalam Gambar 7 yang merakamkan istiadat kemahkotaan sultan dan sultanah Johor.

Gambar 7 : Istiadat Kemahkotaan Sultan dan Sultanah Johor, 1960



Sumber : *Majalah Fashion*, 3 Januari – 3 April 1960.<sup>47</sup>

Gambar 7 menunjukkan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Ibn Almarhum Sultan Ibrahim dan Sultanah Ungku Tun Aminah Binti Ungku Ahmad menghadiri majlis Hari Kemahkotaan Negeri Johor pada 10 Februari 1960. Sultan Ismail memakai baju diraja dan seluar mengikut fesyen British, berkastut serta memegang pedang. Selain itu, baju baginda juga dihiasi dengan aksesori seperti tekat timbul berbentuk flora memenuhi bahagian dada, hujung lengan dan leher seperti baju diraja Inggeris semasa melaksanakan upacara istiadat Barat.<sup>48</sup> Manakala Sultanah Aminah pula memakai baju kurung tradisional yang longgar, kasut tumit tinggi dan mengenakan aksesori seperti kalung di bahagian lehernya.

Gambar 8 : Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Bin Muhammad Yasin dan Yang Amat Mulia Tengku Temenggung Ahmad.



Sumber : *Majalah Fashion*, 3 Januari – 3 April 1960, hlm.20



Gambar di atas menunjukkan Sultan Johor memakai pakaian seragam tentera berwarna putih, berkasut, memegang pedang, bertopi dan mengenakan beberapa jenis aksesori di bahagian dada bajunya. Manakala di sebelah kanan baginda iaitu Datuk Abdul Rahman (Yang Dipertua Dewan Negara) memakai baju Melayu lengkap, kain samping, berkasut, bersongkok dan juga mengenakan sedikit aksesori di bajunya. Di sebelah kiri baginda pula, Tengku Temenggung Ahmad memakai baju berkot, seluar panjang, berkasut, bersongkok. Beliau juga turut mengenakan sedikit aksesori di bajunya. Gambar 8 memperlihatkan bahawa pengaruh pakaian moden menonjol dalam kalangan pemimpin di Johor. Namun, penggunaan pakaian tradisional masih wujud.

Seterusnya, pakaian ahli-ahli speaker dalam Mesyuarat Dewan Negeri Parlimen mahu pun Dewan Negara juga menjadi isu perbincangan pertengahan tahun 1960-an. Dalam hal ini, perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Johor Baharu Timur mencadangkan supaya dikekalkan pakaian kebangsaan dan bertanjak. Cadangan dikemukakan kerana pihak UMNO merasakan pakaian sedemikian mewakili nilai keagamaan serta menunjukkan sanjungan kepada nilai tradisi dan identiti Melayu. Encik Siraj Bin Kimen berkata bahawa ahli speaker Malaysia adalah orang yang dihormati oleh masyarakat dan mereka perlu menunjukkan penghormatan mereka kepada kebudayaan Melayu.<sup>49</sup> Penggunaan baju tradisi dalam kalangan ahli mesyuarat Dewan Negeri dan parlimen diharap akan mempengaruhi masyarakat.<sup>50</sup>

Tan Sri Fatimah Hashim merupakan menteri wanita yang pertama di Malaysia. Beliau berasal daripada Muar, Johor. Beliau banyak berjasa dalam memperjuangkan hak-hak wanita di Malaysia sehingga menjadi idola kepada kaum ibu. Dalam penampilannya, beliau banyak menggunakan baju kurung tradisional.

Gambar 9 : Tan Sri Fatimah Hashim Menteri Wanita Malaysia yang pertama.



Sumber : Majalah Wanita, June – December 1970.<sup>51</sup>

## **KESIMPULAN**

Masyarakat Melayu Muslim di Johor melalui zaman transisi pakaian tradisional kepada moden dalam tahun 1957 sehingga 1970. Perkembangan ini mencerminkan perubahan sosial yang terjadi dalam masyarakat Melayu Johor pada sepanjang tahun 1957 sehingga 1970-an. Pengenalan pakaian moden yang direka berbentuk singkat, ketat dan mendedahkan aurat mula digemari sehingga masyarakat mengabaikan tuntutan syariat yang ditetapkan dalam agama Islam. Oleh hal demikian, wujud pelbagai polemik daripada media massa mengenai keruntuhan moral masyarakat Melayu banyak dicorakkan melalui budaya Barat. Menyedari perkara ini menjadi isu besar berkaitan budaya Melayu, maka terdapat suara daripada segelintir masyarakat yang menolak nilai Barat menyeru serta meminta agar masyarakat sedar akan kepentingan agama dan budaya jati diri Melayu berbanding mengikuti budaya luar yang bertentangan dengan Islam. Kewujudan satu kelompok yang mempertahankan pakaian tradisional dan penggunaan peraturan dan undang-undang membuktikan bahawa masyarakat Melayu di Johor berada di bawah pengaruh pentadbir agama Islam yang berpegang kepada nilai tradisi dan agak keberatan untuk menerima perubahan yang baharu.

## **PENGHARGAAN**

Penulis ingin merakamkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada para pensyarah di jabatan Sejarah UPSI di atas bimbingan dan tunjuk ajar sehingga penulis selesai menyiapkan kajian Projek Tahun Akhir dengan sempurna.

## **BIBLIOGRAFI**

2016/0003713 Nik Safiah Karim, Penjelasan Maruah Kaum Wanita Oleh Alat Sebaran Am.

Abbas Alias & Norwani Md. Nawawi, (2003). *Pakaian Melayu: Sepanjang Zaman*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Abu Hanafiah Haris & Mohammad Redzuan Othman, (2011). Kemal Attaturk Dan Pembaharuan Di Turki: Polemik Dalam Akhbar Dan Majalah Melayu Pada Tahun 1920-an dan 1930-an. *Sejarah: Journal of The Department of History*, 19(19), 105-133.

Aminuddin Baki. (2015). Merancangkan Bangsa Malaysia, Editor oleh Abdullah Hassan. *Selangor: PTS Akademia*.

Asliza Aris, (2014). *The Evolution And Transformation of Baju Kurung In The Peninsular of Malaysia*, Project Report.

*Berita Harian*, December 19, 1960.

*Berita Harian*, December 29, 1960.

*Berita Harian*, February 7, 1966.

*Berita Harian*, January 19, 1960.

*Berita Harian*, January 25, 1960.

*Berita Harian*, January 28, 1960.

*Berita Harian*, January 19, 1961.

*Berita Harian*, January 30, 1968.



*Berita Harian*, July 12, 1968.

*Berita Harian*, June 10, 1962.

*Berita Harian*, June 26, 1964.

*Berita Harian*, November 17, 1960.

*Berita Harian*, November 2, 1969.

*Berita Harian*, September 14, 1962.

*Berita Harian*, September 9, 1969.

*Berita Mingguan Nasional*, Oktober 18, 1986.

*Dewan Masyarakat Edisi*, Disember 15, 1979.

Haziyah Hussin, Norwani Md. Nawawi & Aishah @ Eshah Mohamed, (2013). Evolusi Dan Tipologi Pakaian Wanita Melayu Di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 26, 147-161.

M. Arfan Mu'ammam, (2016). Kritik Terhadap Sekularisasi Turki: Telaah Historis Transformasi Turki Usmani. *Episteme: Jurnal Pengembangan Ilmu Keislaman*, 11(1), 117-148.

*Majalah Fashion*, Bilangan 345, 18 September 1960.

*Majalah Fashion*, Bilangan 37, November 1967.

*Majalah Fashion*, No. 308-311, 313-321, 3 Jan – 3 April 1960.

Meyrasyawati, Dewi. (2013). Fesyen dan Identitas: Simbolisasi Budaya dan Agama dalam Busana Pengantin Jawa Muslim di Surabaya. *MAKARA of Social Sciences and Humanities Series*. 17. 10.7454/mssh.v17i2.2955.

Nazirah Lee, (2014). Transformasi Fesyen Pakaian Muslim Di Semenanjung Tanah Melayu, 1930–1940. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 6(3), 68–80. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1675>

Noorazma Nawi, (2010). *Fesyen Dalam Institusi Pengajian Tinggi: Perspektif Daripada Sarawak Dan Kelantan*, Project Report, 4.

Rahimin Affandi Abdul Rahim, (2003). Isu Dan Pengaruh Orientalisme Di Malaysia: Satu Analisa. *Ulum Islamiyyah: The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 2(1), 11-42.

Rashidah Othman, Siti Norlina Muhamad, Farahwahida Mohd Yusof & Muhammad Amir Wan Harun, (2016). Fesyen Wanita Menurut Perspektif Islam dan Kesannya Terhadap Kesejahteraan Fizikal Dan Spritual. *Sains Humanika*, 8(3), 65-71.

Shofian Ahmad & Lotfiah Zainol Abidin, (2004). *Aurat: Kod Pakaian Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Siti Zainon Ismail, (1999). Baju Kurung Melayu Johor “Kurung Telok Belanga” Perkembangan Gaya dan Penampilan Jati diri Budaya. *Sari*, 17, 101-111.

Siti Zainon Ismail, (2009). Konsep Adat Pakaian Cara Melayu Sentuhan Tenunan dalam Busana Melayu. Kertas kerja untuk Ucapan Utama sempena Seminar Tekstil Antarabangsa Tenunan Nusantara : Identiti dan Kesenambungan Budaya di Kuantan Pahang pada 12-14 Mei 2009.

Siti Zanariah Husin & Muhamad Adib Samsudin. (2021). Konsep Fesyen Menurut Syarak dan Kaitan dengan Tabarruj: Satu Tinjauan Literatur. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 6(2), 114-126.

*The Singapore Free Press*, 15 September 1960.

Wanita, Jun – Sept 1970, Jun – Ogos, Sept (2 Keluaran), Disember 1970.

Wong, A.W. W., S. Pillai & P. L. Ong, (2018). The golden era of the Malaysian film industry: Cross-cultural dialogue and negotiations of ethnicity in a budding nation. *Kajian Malaysia*, 36(1), 1–24. <https://doi.org/10.21315/km2018.36.1.1>

---

<sup>1</sup> Haziyah Hussin, Norwani Md. Nawawi & Aishah @ Eshah Mohamed. (2013). Evolusi Dan Tipologi Pakaian Wanita Melayu Di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 26, 147-161.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Rashidah Othman, Siti Norlina Muhamad, Farahwahida Mohd Yusof & Muhammad Amir Wan Harun. (2016). Fesyen Wanita Menurut Perspektif Islam Dan Kesannya Terhadap Kesejahteraan Fizikal Dan Spritual. *Sains Humanika*, 8(3), 65-71.

<sup>4</sup> Meyrasyawati, Dewi. (2013). Fesyen dan Identitas: Simbolisasi Budaya dan Agama dalam Busana Pengantin Jawa Muslim di Surabaya. *MAKARA of Social Sciences and Humanities Series*. 17. 10.7454/mssh.v17i2.2955.

<sup>5</sup> Noorazma Nawi. (2010). *Fesyen Dalm Institusi Pengajian Tinggi: Perspektif Daripada Sarawak Dan Kelantan*, Project Report, 4.

<sup>6</sup> Siti Zanariah Husin & Muhamad Adib Samsudin. (2021). Konsep Fesyen Menurut Syarak dan Kaitan dengan Tabarruj: Satu Tinjauan Literatur. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 6(2), 114-126.

<sup>7</sup> Siti Zainon Ismail. (2009). Konsep Adat Pakaian Cara Melayu Sentuhan Tenunan dalam Busana Melayu. Kertas kerja untuk Ucapan Utama sempena Seminar Tekstil Antarabangsa Tenunan Nusantara : Identiti dan Kesenambungan Budaya di Kuantan Pahang pada 12-14 Mei 2009.

<sup>8</sup> Siti Zainon Ismail. (1999). Baju Kurung Melayu Johor “Kurung Telok Belanga” Perkembangan Gaya dan Penampilan Jatidiri Budaya. *Sari*, 17, 101-111.

<sup>9</sup> Nazirah Lee. (2014). Transformasi Fesyen Pakaian Muslim Di Semenanjung Tanah Melayu, 1930–1940. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 6(3), 68–80. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1675>

<sup>10</sup> “Feshen (*sic*) Berubah Mengikut Zaman: Sains Menulong Wanita Mempersolekan Diri,” *Berita Harian*, February 7, 1966.

<sup>11</sup> Haziyah Hussin, Norwani Md. Nawawi & Aishah @ Eshah Mohamed. (2013). Evolusi Dan Tipologi Pakaian Wanita Melayu Di Semenanjung Malaysia, *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 26, 147-161.

<sup>12</sup> *Majalah Fashion*, Bil.37, November 1967, 33.

<sup>13</sup> Shofian Ahmad & Lotfiah Zainol Abidin. (2004). *Aurat: Kod Pakaian Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 120-121.

<sup>14</sup> Asliza Aris. (2014). *The Evolution And Transformation of Baju Kurung In The Peninsular of Malaysia*, Project Report, 106.

<sup>15</sup> Abu Hanafiah Haris & Mohammad Redzuan Othman. (2011). Kemal Attaturk Dan Pembaharuan Di Turki: Polemik Dalam Akhbar Dan Majalah Melayu Pada Tahun 1920-an dan 1930-an. *Sejarah: Journal of The Department of History*, 19(19), 105-133.

<sup>16</sup> Jelaslah dengan penubuhan undang-undang ini menunjukkan bahawa masyarakat Muslim Turki diwajibkan untuk memakai pakaian ala Barat. Tindakan ini mendatangkan banyak isu sehingga menimbulkan polemik terbuka dalam akhbar dan majalah Melayu untuk membidas tindakan kerajaan Turki yang mengeluarkan peraturan tentang pengharaman pemakaian tarbus sebaliknya mewajibkan pemakaian topi ala Barat bagi golongan lelaki. Di samping itu, golongan ulama dan guru agama juga dipaksa memakai topi kerana pemakaian serban juga tidak dibenarkan. Sekiranya pihak kerajaan Turki mendapati golongan lelaki di negara tersebut masih memakai tarbus, mereka akan disiksa. Manakala golongan wanita Turki yang memakai penutup muka (*purdah*) ketika berjalan di tempat awam pula akan ditangkap, Ibid. 108; Lihat juga Abu Hanafiah Haris & Mohammad Redzuan Othman.

- (2011). Kemal Ataturk Dan Pembaharuan Di Turki: Polemik Dalam Akhbar Dan Majalah Melayu Pada Tahun 1920-an dan 1930-an, *Sejarah: Journal of The Department of History*, 19(19), 105-133; Bagi pasukan tentera Turki juga turut dibekalkan pakaian seragam baru beserta topi ala Barat, Lihat M. Arfan Mu'ammam. (2016). Kritik Terhadap Sekularisasi Turki: Telaah Historis Transformasi Turki Usmani. *Episteme: Jurnal Pengembangan Ilmu KeIslaman*, 11(1), 117-148.
- <sup>17</sup> Abu Hanafiah Haris & Mohammad Redzuan Othman. (2011). Kemal Ataturk Dan Pembaharuan Di Turki: Polemik Dalam Akhbar Dan Majalah Melayu Pada Tahun 1920-an dan 1930-an. *Sejarah: Journal of The Department of History*, 19(19), 105-133.
- <sup>18</sup> Nik Safiah Karim. (2016). Penjelasan Maruah Kaum Wanita Oleh Alat Sebaran Am. 2016/0003713, 6.
- <sup>19</sup> "Kain Fabrik Feshen Esbilen Asli", Halaman 8 Iklan Ruang 2. *Berita Harian*. July 12, 1968.
- <sup>20</sup> "Iklan: Penipuan Yang Halal". *Dewan Masyarakat Edisi*. Disember 15, 1979.
- <sup>21</sup> *Majalah Fashion*, Bil, 345. 18 September 1960. 14.
- <sup>22</sup> Wong, A.W. W., S. Pillai & P. L. Ong. (2018). The golden era of the Malaysian film industry: Cross-cultural dialogue and negotiations of ethnicity in a budding nation. *Kajian Malaysia*, 36(1), 1–24.  
<https://doi.org/10.21315/km2018.36.1.1>
- <sup>23</sup> "Pengaruh Budaya Barat Di Negara-Negara Asean". *Era: Majalah Berita Mingguan Nasional*. Oktober 18, 1986 ; pelakon dalam tempoh ini lazimnya memakai baju kebaya moden yang berbentuk lebih bebas seperti ketat, pendek, mendedahkan sebahagian leher dan dada serta berzip di sebelah belakang dipengaruhi oleh fesyen berpakaian dari Barat, Abbas Alias & Norwani Md. Nawawi. (2003). *Pakaian Melayu: Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 141.
- <sup>24</sup> Ratnamala. "Baju Singkat Tidak Sa-sua (sic)i". *Berita Harian*, January 25, 1960.
- <sup>25</sup> *The Singapore Free Press*. 15 September 1960.
- <sup>26</sup> Noorazmi Nawi. (2010). *Fesyen Dalam Institusi Pengajian Tinggi: Perspektif Daripada Sarawak Dan Kelantan*, Project Report, 4.
- <sup>27</sup> Pemberita2 (sic)Wanita B.H. "Fikiran Tokoh2 Wanita Ibukota Berchangah". *Berita Harian*. September 9, 1969.
- <sup>28</sup> Tan Sri Aishah Ghani menjadi ahli Dewan Negara (senator selama 6 tahun sehingga 6 September, 1968. Beliau merupakan wanita pertama yang dilantik menjadi senator. Ketika dilantik, beliau berumur 39 tahun dan memegang jawatan sebagai ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO Malaya dan berkhidmat dalam jabatan pengarang Berita Harian, "Aishah Ghani (Wartawan) Jadi Senator". *Berita Harian*. September 14, 1962.
- <sup>29</sup> Ah Zaki. "Feshen: Baju Lupa Kain". *Berita Harian*. January 30, 1968.
- <sup>30</sup> H.I. Ismail. "Pakaian Guru2 Perempuan Melayu (sic)". *Berita Harian*. June 10, 1962.
- <sup>31</sup> "Guru2 Uagama Di-Minta Berpakaian Melayu(sic)". *Berita Harian*. December 19, 1960.
- <sup>32</sup> "Pakaian Guru Saperti Bilal". *Berita Harian*. November 17, 1960.
- <sup>33</sup> H.I. Ismail. "Pakaian Guru2 Perempuan Melayu(sic)". *Berita Harian*. June 10, 1962.
- <sup>34</sup> "Pakaian Guru Saperti Bilal". *Berita Harian*. November 17, 1960.
- <sup>35</sup> *Ibid*.
- <sup>36</sup> "Pengerusi Buat Penafian Fasal Pakaian". *Berita Harian*. December 29, 1960.
- <sup>37</sup> "Guru2 Uagama Di-Minta Berpakaian Melayu (sic)". *Berita Harian*. December 19, 1960.
- <sup>38</sup> Abbas Alias & Norwani Md. Nawawi. (2003). *Pakaian Melayu: Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 90.
- <sup>39</sup> "Pakaian Baru Guru Uagama Di-Puji(sic)". *Berita Harian*. January 19, 1961.
- <sup>40</sup> "Perkara Pakaian Murid2 Wanita(sic)". *Berita Harian*. January 19, 1960.
- <sup>41</sup> Aminuddin Baki. (2015). Merancang Bangsa Malaysia, Editor oleh Abdullah Hassan. *Selangor: PTS Akademia*, 96.
- <sup>42</sup> "Guru2 Uagama Di-Minta Berpakaian Melayu(sic)". *Berita Harian*. December 19, 1960.
- <sup>43</sup> "Guru2 Uagama Di-Negeri Johor Patut Berpakaian Sa-ragam (sic)". *Berita Harian*. January 28, 1960.
- <sup>44</sup> "Uniform Sa-Ragam Bagi Para Pelajar Mengikis Perasaan Tinggi Rendah (sic)". *Berita Harian*. November 2, 1969.
- <sup>45</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2003). Isu Dan Pengaruh Orientalisme Di Malaysia: Satu Analisa. *Ulum Islamiyyah: The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 2(1), 11-42.
- <sup>46</sup> Abbas Alias & Norwani Md. Nawawi. (2003). *Pakaian Melayu: Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 26.
- <sup>47</sup> *Majalah Fesyen*. No. 308-311, 313-321. 3 Jan – 3 April 1960. 20.
- <sup>48</sup> Abbas Alias & Norwani Md. Nawawi. (2003). *Pakaian Melayu: Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 27.
- <sup>49</sup> Pakaian Speaker: Mungkin 'Hangat'. *Berita Harian*. June 26, 1964.
- <sup>50</sup> *Ibid*.
- <sup>51</sup> Wanita. Jun – Sept 1970, Jun – Ogos, Sept (2 Keluaran). Disember 1970. 46.